

18 AUG 1996  
Mahathir-Lawat  
DR MAHATHIR TIBA DI TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini bagi lawatan rasmi selama tiga hari ke Terengganu.

Ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Mahmud dekat sini disambut Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan orang kenamaan negeri.

Dr Mahathir kemudian berlepas dengan helikopter ke Pulau Redang untuk lawatan singkat sebelum bertolak ke Tasik Kenyir, Hulu Terengganu untuk melawat serta berehat di kawasan pelancongan itu.

Beliau dijangka melawat pusat peranginan pertama yang bertaraf antarabangsa Tasik Kenyir Golf Resort dan menginap di situ malam ini. Pusat peranginan itu yang menelan belanja lebih RM100 juta dimiliki Kumpulan DRB-Hicom.

Perdana Menteri akan mempunyai jadual kerja yang padat esok. Beliau dijangka mendengar taklimat serta meninjau projek pembangunan di kawasan Tasik Kenyir pada sebelah pagi.

Pada sebelah tengah hari, beliau akan menghadiri majlis perjumpaan dengan para pemimpin masyarakat dan pegawai kerajaan di Dewan Besar Wisma Darul Iman dan diikuti dengan makan tengah hari.

Pada pukul 3.30 petang, Dr Mahathir dijadual menutup kejohanan badminton Piala Perdana anjuran Badan Amal Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di Stadium Negeri.

Pada sebelah malam, Perdana Menteri akan menghadiri majlis Malam Mesra sempena kejohanan badminton Piala Perdana dan pelancaran derma projek kompleks penyayang di Wisma Darul Iman.

Dr Mahathir akan memulakan program hari ketiganya dengan melancarkan program Gerak Mesra peringkat negeri serta melawat dusun buah-buahan di Kampung Pelong, Setiu.

Selepas itu, beliau dijangka meletakkan batu asas projek perumahan Permint Perdana di Kampung Batin, Seberang Takir.

Perdana Menteri akan mengadap Sultan Terengganu di Istana Badariah, Batu Buruk sebelum berlepas pulang pada sebelah petang hari itu.

Ketibaan Dr Mahathir di Tasik Kenyir Golf Resort dengan pesawat TUDM dari Pulau Redang disambut pengerusi Kumpulan DRB-Hicom Tan Sri Yahaya Ahmad, beberapa anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dari Terengganu serta pegawai kuan kerajaan termasuk dari Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah).

Perdana Menteri kemudian mendengar taklimat ringkas mengenai resort itu serta projek-projek pelancongan yang dirancang serta yang telah sedia ada di tasik seluas 38,000 hektar ini termasuk oleh pengarah urusan Hicom Leisures Sdn Bhd John Roozmond.

-- BERNAMA  
AM AHH